

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 23.11.2016

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada dasar focus utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menekankan kemahiran Berfikir Aras Tinggi (HOTS atau *Higher Order Thinking Skills*) di sekolah, adakah guru-guru diberi kemahiran khusus terutama sekali yang diperlukan di negeri Sabah mencukupi dan memuaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memberikan penekanan kepada pembentukan holistik murid sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Salah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang diterap dalam semua mata pelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak KBAT diperkenalkan KPM telah berjaya melatih guru-guru sebagai Jurulatih Utama bagi mata pelajaran Sains dan Matematik (Tingkatan 1 & 2) serta Sejarah Tingkatan 5. Semua Jurulatih Utama yang dilatih terdiri daripada guru

yang dicalonkan oleh setiap negeri dan dipertanggungjawabkan untuk membantu guru lain menguasai KBAT. KPM juga telah melaksanakan pelbagai program latihan secara bersemuka dan dalam talian yang melibatkan guru mata pelajaran Sains, Matematik dan mata pelajaran lain di seluruh negara.

Pada tahun 2015, KPM telah melaksanakan Kursus i-THINK dalam talian (KiDT) melibatkan seramai 227,036 guru di seluruh negara termasuk 7,382 guru di negeri Sabah. Sebanyak 103 buah sekolah rendah dan 25 buah sekolah menengah di Sabah telah menjalani Kursus i-THINK secara bersemuka termasuk SMK Kota Marudu sebagai Sekolah *Showcase*. Manakala bagi tahun 2016, KiDT diteruskan dan guru di seluruh negara dapat mengikuti kursus ini pada bila-bila masa.

RJM70